



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT ISLAM
المركز الإسلامي
ISLAMIC CENTER

Transformasi Ke Arah
UNIVERSITI
INDUSTRI 4.0



PENASIHAT : Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat **EDITOR :** Noorish Taljid & Kartini Ismail
SIDANG PENGARANG : Noor Fazelah Salimin **HEBAHAN & PUBLISITI :** Malik Hanafi Achmad Rof'ie

Ketika ditanya tentang HIJRAH...rata-rata menjawab ingin berubah lebih baik daripada semalam. Tidak mengira dari sudut apapun termasuklah amal ibadah...pelik tapi benar...ketika umur semakin bertambah seharusnya berganda amal ibadah. Namun sebaliknya berlaku, ramai yang bertanggung...menunggu usia dihujung waktu...sedangkan amal perlu disegerakan kerana mati itu tidak menunggu umur tua dan kecerdasan akal fikiran juga semakin berkurang dimamah usia senja...Berhijrahlah...jangan berhenti setengah jalan...teruskan langkahmu sejauh mana engkau dapat melangkah ke arah yang lebih baik...andai suatu masa nanti ajal menemuimu di pertengahan jalan...moga ukuran langkah hijrah di dunia mendekatkan kita selangkah ke pintu Jannah....NT

Fadhilat Puasa Hari 'Asyura (10 Muharram)

Daripada Abu Qatadah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:
"Berpuasa pada hari 'Asyura sesungguhnya aku mengharapkan kepada Allah supaya dapat menghapuskan DOSA-DOSA setahun sebelumnya"

(Riwayat Ibn Majah No.1738)

1440 HIJRAH

“TIPS PRAKTIKAL MEMBACA & MENGHAFAL AL-QURAN DENGAN MUDAH DAN BERKESAN”

Buat Temu Janji Dengan Al-Quran

- i) Lakukan temu janji ini “**setiap hari**” pada waktu tertentu, Contohnya sebelum menjelang subuh ataupun pada setiap kali selepas solat fardhu;
- ii) Hormati temu janji ini sepertimana kita menghormati temu janji dengan seseorang yang “istimewa”.

Berikan Masa 30 Minit

- i) Luangkan masa sekurang-kurangnya **30 minit** untuk al-Quran setiap hari;
- ii) Disiplinkan diri untuk menepati masa tersebut. Adakalanya kita harus memaksa diri untuk membaca al-Quran sekurang-kurang 30 minit agar menjadi kebiasaan dan rutin dalam kehidupan seharian;
- iii) Jika 30 minit itu sudah menjadi kebiasaan, maka ianya akan lebih mudah untuk ditambah dari masa ke semasa.

Fahami Apa Yang Kita Baca

- * Jika kita memahami Bahasa Arab, maka mudah bagi kita untuk fokus dan memahami apa yang dibaca. Jika tidak, kita sangat digalakkan untuk membaca al-Quran bersama terjemahannya;

Pelajari Makna Al-Quran

- i) Carilah alim ulama’/asatizah untuk mempelajari tafsir al-Quran. Ini kerana, membaca dan memahami tafsiran al-Quran memerlukan huraian dan penerangan daripada mereka yang lebih mengetahui;
- ii) Belajarlah mendalami maksud ayat demi ayat, sejarah al-Quran diturunkan, serta bagaimana kita boleh mengaplikasikannya dalam hidup kita;
- iii) Luangkan masa sekurang-kurangnya **10 minit** pada setiap hari untuk membaca beberapa muka surat tafsir al-Quran yang terkenal, contohnya Tafsir Jalalain;
- iv) Berkongsi kepada ahli keluarga atau kawan-kawan tentang apa yang kita sudah pelajari... (Bersambung)

**DISEDIAKAN OLEH;
USTAZAH NOOR FAZELAH SALIMIN
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM**



Adakah puasa 10 Muharram perlu disertai dengan hari selepasnya?

Daripada Abu Qatadah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**“Berpuasa pada hari 'Asyura sesungguhnya aku mengharapkan kepada Allah supaya dapat menghapuskan DOSA-DOSA setahun sebelumnya”
(Riwayat Ibn Majah No. 1738)**

“Berpuasalah kalian pada hari Asyura (10 Muharram) dan selisihlah orang-orang Yahudi. Berpuasalah (Dengan menambah) satu hari sebelumnya atau sesudahnya”.
(HR Ahmad No.2155)

Sahibus Samahah Dato'Seri Zulkifli Mohamad Al-Bakri
Menyimpulkan;

“Disunatkan untuk berpuasa pada 9 Muharram atau pada 11 Muharram berserta dengan puasa hari 'Asyura dengan tujuan untuk menyelisihi dan berbeza dengan golongan Yahudi”

Ceramah Perdana Maal Hijrah 1440H



Ceramah disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat
Pengarah PIUMS

Tarikh : 11hb September 2018M/1 Muharram 1440H

LAWATAN SMKA LIMBANG KE PIUMS



LAWATAN DARIPADA SMKA LIMBANG, SARAWAK
TARIKH :14HB SEPTEMBER 2018 (JUMAAT)
TEMPAT : PUSAT ISLAM, UMS

Gerak Gempur Pelajar KAFA 2018



TEMPAT: DKP 1, PASCASISWAZAH UMS
TARIKH : 15HB SEPTEMBER 2018 (SABTU)